# Pembinaan saluran paip gas ke Proton City berjalan lancar

oleh NORMAWATI ADNAN Follow 02 November 2023 09:12am Masa membaca: 1 minit




Ahmad Hashimi (tiga dari kanan) menyempurnakan inisiatif menanam 150 anak pokok hutan dan buah-buahan serta menjalankan aktiviti pembersihan di sepanjang pesisir sungai.

TANJUNG MALIM - **[DIKEMAS KINI]** Kerja pembinaan saluran paip gas baharu oleh Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia) sepanjang 60 kilometer dari Bidor ke Proton City dekat sini berjalan lancar.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Gas Malaysia, Ahmad Hashimi Abdul Manap berkata, projek membabitkan kos hampir RM100 juta yang dimulakan Mac lalu itu telah melepasi fasa pertama pembangunan dengan capaian 20 peratus siap.

Menurutnya, dengan perkembangan positif itu, pihaknya optimis, pembinaan jaringan paip gas asli tersebut dapat disiapkan dalam tempoh dua tahun yang diperlukan iaitu pada 2025.

"Penganugerahkan kontrak telah dibuat awal tahun ini dan kita mendapat kerjasama yang baik daripada semua pihak berautoriti termasuk agensi di peringkat daerah yang terlibat di sepanjang laluan jaringan gas ini.